

MAYC: Zahid belum sedia tarik diri

BH 18 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Calon Timbalan Presiden MAYC, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, belum bersedia menarik diri daripada bertanding, walaupun bersetuju dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pemimpin belia sepatutnya berumur bawah 40 tahun.

Ahmad Zahid yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata, beliau hanya akan membuat keputusan selepas mendapatkan pandangan pemimpin belia yang menganggotai MAYC.

“Keputusan menarik diri belum timbul lagi sebab tidak ramai pemimpin MAYC berumur bawah 40 tahun.

“Jadi agak sukar untuk mencari mereka yang boleh diketengahkan biar pun cadangan Perdana Menteri itu baik,” katanya yang juga Pengerusi MAYC Hilir Perak.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir supaya kepimpinan MAYC diserahkan kepada belia berikutan beberapa masalah yang timbul daripada persaingan antara bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, 57, dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, 56, untuk merebut jawatan Presiden.

Zahid berkata, perlembagaan MAYC sekarang membenarkan mereka yang berumur lebih 40 tahun bertanding.

“Mungkin pertandingan akan datang had umur itu boleh dikuatkuasa dengan meminda perlembagaan,” katanya sambil menyatakan prihatin terhadap saranan Perdana Menteri dalam MT, semalam.

Katanya, beliau bersetuju dengan saranan itu kerana melalui Dasar Belia Negara, pemimpin sepatutnya berumur bawah 40 tahun dan sebab itu perlembagaan Majlis Belia Malaysia (MBM) mengehadkan umur bawah 40 tahun untuk menjadi pemimpin.

Beliau berkata, MAYC perlu merombak perlembagaan dan peraturan pentadbirannya selaras nasihat Perdana Menteri.

“Pada hemat saya, pemilihan akan datang dalam tempoh terdekat ini mungkin pindaan itu belum boleh dilaksanakan tetapi selepas itu ia boleh dilakukan,” katanya.

Zahid berkata, saranan Dr Mahathir juga selaras dengan komposisi 60 peratus rakyat Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang berumur bawah 40 tahun.